

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**
KAWASAN : **TEMERLOH**
TARIKH : **8 OGOS 2017**
NO. SOALAN : **84**

SOALAN

Adakah hubungan perdagangan Malaysia-Qatar terjejas susulan insiden pemboikotan beberapa negara Teluk termasuk Mesir dan Arab Saudi terhadap Qatar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Krisis hubungan diplomatik antara Qatar dengan beberapa negara ahli *Gulf Cooperation Council* (GCC) dan negara ahli Liga Arab dijangka tidak akan membawa impak negatif secara langsung terhadap hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala antara Malaysia dan Qatar. Malahan, adalah dijangkakan bahawa sekatan jalinan perhubungan oleh beberapa negara Teluk ke atas Qatar secara tidak langsung akan merangsang dan meningkatkan peluang eksport Malaysia ke Qatar, terutamanya bagi eksport bahan makanan (*foodstuff*) dan pembinaan (*building materials*) dalam masa terdekat. Dalam hal ini, barangan/komoditi dari Malaysia dapat dieksport terus melalui Pelabuhan Hamad di Qatar atau Pelabuhan Sohar di Oman.

Jumlah eksport Malaysia ke Qatar bagi tempoh Januari-Mei 2017 mencatat peningkatan sebanyak 3.4%, kepada RM256.7 juta berbanding RM248.3 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2016. Jumlah import Malaysia dari Qatar bagi tempoh Januari-Mei 2017 pula melonjak sebanyak 152.5% kepada RM870 juta berbanding RM344.5 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 2016. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan import petroleum mentah dan bahan kimia (*organic chemicals* dan *polymer of ethylene*) sepanjang 5 bulan pertama bagi tahun 2017. Sehubungan ini, kewujudan peluang-peluang eksport ke Qatar ekoran krisis hubungan diplomatik di rantau Teluk dijangka dapat merapatkan imbalan dagangan Malaysia-Qatar.

Hubungan pelaburan Malaysia-Qatar juga dijangka tidak akan terjejas susulan daripada krisis hubungan diplomatik ini. Bahkan, penganjuran Piala Dunia 2022 oleh Qatar dijangka akan mewujudkan banyak peluang pelaburan di negara tersebut, terutamanya dalam sektor pembinaan. Peluang-peluang tersebut boleh dimanfaatkan syarikat-syarikat Malaysia. Setakat ini, pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di Qatar tertumpu di dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan. Antara syarikat-syarikat ternama Malaysia yang memiliki pelaburan dan beroperasi di Qatar setakat ini adalah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang kini menjalankan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan di Lapangan Terbang Antarabangsa Hamad di Doha, WCT Berhad, GAMUDA Berhad, UEM Berhad serta Muhibbah Engineering.

Walaupun begitu, kerajaan sentiasa mengambil tindakan secara berhati-hati dan prihatin terhadap sensitiviti negara-negara yang memboikot

Qatar supaya sebarang usaha berkepentingan ekonomi Malaysia dengan negara-negara Teluk yang lain tidak terjejas.

Sekian, terima kasih

1. Disediakan oleh :

Nama : Muhammad Hazam Hajanan
Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian : Hubungan Perdagangan dan Ekonomi
Duahala
Tel. H/P : 012-560 0773
Tarikh : 24 Julai 2017

2. Disemak oleh :

Nama : Kavitha Mathuvay
Jawatan : Pengarah
Bahagian : Hubungan Perdagangan dan Ekonomi
Duahala
Tarikh : 24 Julai 2017

3. Diluluskan oleh :

Nama : Normah Osman
Jawatan : Pengarah Kanan
Tarikh : 24 Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 85

Datuk Raime Bin Unggi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terbaru dalam menjadikan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) dipertingkatkan sebagai hab logistik bagi rantau kawasan Pertumbuhan Ekonomi ASEAN Timur, Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) dan negara-negara Timur Jauh Asia dan Pasifik Selatan bagi hubungan perdagangan secara terus dengan negara-negara di rantau tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) adalah merupakan sebuah agensi di bawah kawalan Kerajaan negeri Sabah. Manakala syarikat Sabah Ports Sdn. Bhd. (SPSB) merupakan operator yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam mengendalikan pelabuhan-pelabuhan Sabah.

Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam meningkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan di Negeri Sabah khususnya Pelabuhan Sepangar. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM1.027 bilion dalam menaiktaraf Pelabuhan Sepangar di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Projek naik taraf Pelabuhan Sepangar ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian kontena dan kargo serta mempertingkatkan produktiviti dan efisiensi perkhidmatan kepada pengguna pelabuhan khususnya kapal-kapal yang singgah di Pelabuhan Sepangar. Projek tersebut dijangka siap pada tahun 2020.

Sejajar dengan itu, Pelabuhan Sepangar akan dapat menarik lebih banyak lagi kapal-kapal dari dalam dan luar rantau ini khususnya perdagangan secara terus dan menjadikannya sebuah pelabuhan penting di Malaysia Timur.